

Musim tengkujuh: Harga ikan rakyat melambung

JM 15/12/23 M15 32

KUALA TERENGGANU: Keadaan laut bergelora dan cuaca tidak menentu pada musim tengkujuh menyebabkan harga ikan melambung di beberapa pasar di daerah ini sejak pertengahan bulan lalu.

Antara ikan rakyat yang berlaku kenaikan harga ialah selayang, kembong, selar dan kerisi yang naik antara RM3 sehingga RM5 sekilogram (kg) di beberapa pasar awam di daerah ini.

Seorang peniaga di Pasar Cabang Tiga dekat sini, Abdul Rahman Ali, 40, berkata, ikan selayang naik daripada RM7 sehingga RM11/kg manakala ikan kembong daripada RM16 kepada RM19/kg.

Menurutnya, kenaikan itu didakwa berlaku ekoran fenomena air pasang besar dan musim monsun timur lalut menyebabkan golongan nelayan tempatan di negeri itu tidak ramai yang turun ke laut.

“Selain itu beberapa jenis ikan rakyat yang lain seperti selar juga mengalami kenaikan kepada RM19 berbanding RM15/kg bulan lalu selain ikan kerisi daripada RM12 kepada RM17/kg.

“Turut meningkat adalah harga ikan cencaru (RM12/kg) dan pelaling (RM15/kg) menyebabkan sambutan pengguna agak berkurang sehingga hasil jualan jatuh 50 peratus,” katanya di sini semalam.

Sementara itu cuaca tidak menentu di negeri ini juga menyaksikan harga beberapa jenis sayur-sayuran di pasar awam di daerah ini mengalami kenaikan antara RM1 sehingga RM4/kg.

Menurut seorang peniaga, Nurul Hidayah Azam, 48, antara jenis sayur-sayuran yang naik adalah harga timun batang iaitu RM4/kg berbanding RM3 manakala cili merah daripada RM13 kepada RM17/kg.